



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Membebaskan' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 7 April 2011.

Dimaklumkan bahawa PPj melaksanakan Tempat Letak Kereta (TLK) berbayar sejajar dengan keputusan kerajaan agar setiap kompleks menyediakan 20% TLK untuk pelawat. Selain daripada menggalakkan penjawat awam menggunakan pengangkutan awam terutamanya bas Nadi Putra, langkah ini juga bertujuan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas dan kekurangan TLK untuk pelawat di sekitar pejabat kerajaan. Sekiranya TLK berbayar ini tidak diperkenalkan, kebanyakan TLK ini akan digunakan oleh kakitangan pejabat dan menafikan peluang pelawat untuk menggunakan kemudahan TLK yang disediakan.

Bayaran RM1.00/jam di kawasan TLK, Kompleks E adalah sesuai untuk pelawat/pengguna yang ingin menyelesaikan sebarang urusan mereka dalam jangka masa yang pendek. Bagi penjawat awam yang ingin meletakkan kenderaan bagi suatu jangka masa yang panjang pula, mereka digalakkan untuk menggunakan Park n Ride (P&R) berhampiran di Presint 1 yang terletak bertentangan dengan kawasan TLK Kompleks E.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 12 April 2011

Akhbar : Berita Harian
 Segmen : Sentral
 M/s : 1
 Tarikh : 7 April 2011

Membebankan

Reaksi terhadap caj tempat letak kereta awam di Putrajaya

Oleh Samadi Ahmad
 bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Terlalu mahal. Itulah reaksi pengguna tempat letak kereta awam di Kompleks E di sini terhadap kadar bayaran parkir sebanyak RM1 sejam yang mula dikuatkuasakan Isnin lalu.

Kebanyakan yang merungut membabitkan orang awam yang berurusan di beberapa kementerian di kompleks berkenaan dan kakitangan awam yang meletakkan kereta di situ kerana tidak ada petak parkir di dalam kawasan kompleks.


Kompleks E adalah antara lokasi tumpuan orang ramai kerana menempatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Tenaga, Air dan Teknologi Hijau.

Kadar parkir itu lebih membebaskan kakitangan awam berbanding pelawat yang meletakkan kereta pada waktu lebih singkat.

Tinjauan *Sentral* pada hari pertama penguatkuasaan caj itu mendapati jumlah kenderaan diletakkan di kawasan itu agak berkurangan berbanding sebelum ini.

Ada notis pada mesin tiket berkomputer yang menyatakan kawasan parkir itu mula dikenakan caj bermula 4 April lalu dengan caj bayaran RM1 bagi setiap jam.

Kakitangan kerajaan, Salwani Abd Wahab, 31, berkata



PPj meletakkan notis bagi memulakan caj tempat letak kereta di kompleks E Putrajaya.

“Dengan keadaan ekonomi semasa, kami harapkan kemudahan parkir kurangkan masalah, sebaliknya ia membebankan dan kami rasa tertekan”

Salwani Abd Wahab
 Kakitangan kerajaan

beliau amat kecewa kerana pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengenakan caj yang tinggi sehingga menyusahkan golongan yang berpendapatan rendah sepertinya.



Katanya, ia sesuatu yang membebankan jika kakitangan kerajaan yang meletakkan kenderaan di situ terpaksa membayar RM8 bagi tempoh sehari bekerja.

Pengguna lain, Zulkifli Abas, 37, mencadangkan PPj memberikan diskaun kepada kakitangan kerajaan yang meletakkan kenderaan di situ setiap hari bagi mengurangkan beban mereka.

Katanya, PPj tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata, tetapi perlu melihat masalah orang ramai terutama pengguna.

Kakitangan kerajaan lain, Zabedah Musa, 34, berkata dia terkejut dengan kadar caj RM1 sejam itu kerana terlalu mahal jika meletakkan kereta dalam tempoh panjang.

Zabedah berkata, beberapa rakan sepejabatnya juga merungut dan tidak bersetuju

“Saya dan rakan terkejut dengan kadar caj RM1 sejam itu kerana terlalu mahal jika meletakkan kereta dalam tempoh panjang. Saya cadangkan dikeluarkan pas bulanan dengan harga lebih murah”

Zabedah Musa
 Kakitangan kerajaan

“PPj tidak harus penting keuntungan semata-mata, tetapi melihat masalah orang ramai. Saya cadangkan PPj beri diskaun kepada kakitangan kerajaan”

Zulkifli Abas
 Pengguna

dengan kadar parkir itu dan mengharapkan pihak berkenaan mengkajinya semula terutama mengeluarkan pas bulanan dengan harga lebih murah kepada kakitangan kerajaan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam PPj, Zaharah Selamat, berkata PPj mengesakan penjawat awam dan pengunjung yang datang ke Putrajaya supaya beralih kepada sistem pengangkutan awam seperti bas Nadi Putra dan menggunakan tempat letak kereta sementara di Presint 1 di sini untuk berulang alik ke destinasi dikehendaki.